

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian dalam memulihkan kembali kawasan-kawasan tarikan pelancongan agro di sekitar Terengganu khususnya di Parlimen Besut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam memajukan sektor agropelancongan di seluruh Malaysia. Bagi mengukuhkan penjenamaan dan pembangunan pelancongan di Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu telah meletakkan Besut sebagai salah satu hub agropelancongan yang akan dibangunkan di bawah Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula). Berdasarkan Rancangan tersebut, pembangunan di kawasan Besut telah dimasukkan sebagai salah satu zon pengkhususan pelancongan Negeri Terengganu memberi fokus kepada hub agropelancongan desa dan marin.

Melalui penglibatan pelbagai Jabatan/ Agensi di bawah MAFI, pusat-pusat agropelancongan yang telah dibangunkan di sekitar Terengganu adalah seperti berikut:

1. Peladang Setiu Agro Resort, Setiu;
2. Laguna Setiu, Setiu;
3. Nelayan Resort PNK Setiu, Rhu 10;
4. Medan Ikan Bakar PNK Setiu, Rhu10;
5. Pusat Agropelancongan LPNM Sg. Tong, Setiu;
6. Taman Pertanian Negeri Sekayu, Kuala Berang;
7. Pusat Apiari Sekayu, Kuala Berang ;
8. Galeri Spesis-Spesis Marin Terancam, Dungun;
9. Pusat konservasi dan Penerangan Penyu, Rantau Abang;
10. Bukit Besi Agro-Exotic Farm, Dungun; dan
11. Ombak Kapas Island Beach Resort Sdn Bhd, Marang.

MAFI telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memulihkan kembali sektor agropelancongan khususnya di Parlimen Besut adalah seperti berikut:

i. Geran membina dan menaiktaraf infrastruktur serta kualiti perkhidmatan di pusat agropelancongan.

Program ini bertujuan untuk memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan masyarakat tani dengan mempelbagaikan sumber pendapatan mereka serta membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat. Sepanjang RMKe-11, Kerajaan menyediakan sebanyak RM20 juta bantuan/geran membina dan menaiktaraf infrastruktur kepada pusat-pusat pelancongan yang diusahakan oleh golongan sasaran bagi meningkatkan jumlah kutipan hasil, pendapatan serta jumlah pengunjung ke pusat berkenaan. Bagi tahun 2020, sejumlah RM3,366,090.00 geran telah disalurkan kepada 35 pusat agropelancongan manakala pada tahun 2019 sejumlah RM3,396,200.00 telah disalurkan kepada 56 pusat agropelancongan. Inisiatif ini diteruskan oleh Kementerian dalam RMKe-12 juga.

ii. Khidmat nasihat dan bimbingan jabatan dan agensi, MAFI

Kementerian bersama jabatan dan agensi di bawahnya dari semasa ke semasa turut memberikan khidmat nasihat kepada petani dan penternak yang berminat untuk memajukan kawasan

pertanian mereka untuk dikembangkan menjadi pusat agropelancongan. Seiring dengan itu juga, satu garis panduan telah disediakan untuk menjelaskan kaedah dan tatacara pelaksanaan geran membina dan menaiktaraf infrastruktur pusat agropelancongan di bawah MAFI. Garis panduan tersebut boleh dicapai di laman sesawang rasmi MAFI.

iii. Mempergiat aktiviti promosi

Salah satu usaha Kementerian untuk mempergiatkan promosi pada tahun ini adalah dengan memperkasakan elemen pemasaran produk dan perkhidmatan di pusat agropelancongan secara digital. MAFI melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang menyediakan program perintis pemerksaan industri agropelancongan melalui transformasi digital kepada pengusaha pusat agropelancongan di bawah setiap Jabatan dan Agensi MAFI. Program ini bertujuan memanfaatkan penggunaan platform digital secara kreatif dan meluas melalui media sosial serta memperluaskan kebolehcapaian kepada produk serta perkhidmatan di pusat agropelancongan seterusnya dijangka mampu menjana pendapatan tambahan kepada golongan sasar.

MAFI akan terus memberi perhatian kepada industri agropelancongan negara di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0. Kementerian melalui Jabatan dan Agensi menjadi penggerak utama kepada inisiatif pembangunan industri agropelancongan dari segi meningkatkan kualiti kemudahan, mempelbagaikan produk pelancongan, mempergiatkan promosi dan mempertingkatkan aspek keselamatan di pusat agropelancongan.

Bagi pembangunan mana-mana kawasan, pihak Jabatan/Agensi di bawah MAFI akan mengemukakan permohonan dan akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Agropelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa syarikat yang akan terjejas khususnya syarikat yang didaftar sebelum 1990 sekiranya Kerajaan melaksanakan dasar 51% Bumiputera ekuiti terhadap syarikat pengangkutan. Sejauh manakah kalangan Bumiputera boleh mendapat faedah daripada dasar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data terkini oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia menunjukkan terdapat lebih kurang 20% syarikat yang masih belum memenuhi syarat pegangan ekuiti Bumiputera bagi lesen ejen kastam. Walau bagaimanapun, isu berhubung berapa banyak syarikat yang akan terjejas tidak berbangkit buat masa ini memandangkan tempoh pelanjutan syarat Bumiputera telah pun diberi sehingga 31 Disember 2022. Satu kajian berhubung pelaksanaan syarat ini juga sedang dilaksanakan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (atau TERAJU) bagi mengenalpasti penambahbaikan. Pada masa yang sama, syarat ini bukanlah mandatori untuk semua syarikat pengangkutan atau logistik sekiranya mereka tidak menawarkan perkhidmatan aktiviti ejen kastam tersebut. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan mengenai kebocoran pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara yang dilaporkan baru-baru ini dan impak kepada negara serta langkah-langkah mengatasi kebocoran maklumat peribadi rakyat negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan mengenai dakwaan laman web yang menggunakan nama pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan mengiklankan penjualan data peribadi kepada pihak umum. Siasatan telah dijalankan oleh PDRM di bawah Sek 4 (1) Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563) iaitu kesalahan capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut.

Memandangkan siasatan pihak PDRM dan juga JPN masih dijalankan, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN : 140

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah semua Ahli-ahli Parlimen pembangkang akan mendapat peruntukan Ahli Parlimen secara sama rata seperti yang diumumkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) di Dewan Rakyat pada sidang yang baru lepas.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.
2. Justeru, peruntukan kepada Ahli Parlimen adalah selaras dengan Transformasi Parlimen yang termaktub dalam Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik yang telah dimeterai oleh pihak Kerajaan dan Pakatan Harapan pada 13 September 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sekiranya boleh disatukan Bahagian Francais, KPDNHEP dan Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, MEDAC di bawah satu Kementerian sahaja bagi menjaga hal ehwal perniagaan francais di Malaysia bagi mengelakkan pembaziran sumber manusia dan kewangan serta menyenangkan urusan para peniaga francais sekiranya pertindihan tugas ini dapat digabungkan..

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Perintah Menteri-Menteri Persekutuan (No.3) 2020 Warta Kerajaan Persekutuan 9 Julai 2020, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwil Pengguna telah dipertanggungjawab mengenai pelaksanaan fungsi dan kuasa Akta Francais 1998. Di bawah KPDNHEP, prestasi yang cemerlang dapat dilihat dengan nilai jualan tahunan industri francais iaitu RM10 billion pada tahun 2018, dan meningkat kepada RM11 bilion pada tahun 2019 dan RM13.3 bilion pada tahun 2020. Selain itu, sehingga kini, KPDNHEP juga telah mendaftarkan sebanyak 1,090 syarikat francais dan sejumlah 68 syarikat francais tempatan telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan berada di 70 buah negara.

2. Kawal selia, pendaftaran, dan penguatkuasaan melibatkan industri francais adalah di bawah KPDNHEP dan sewajarnya Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) juga diletakkan di bawah KPDNHEP bagi melengkapkan ekosistem tersebut. Pelaksanaan hal ehwal industri francais di bawah dua kementerian berbeza adalah amat merugikan bukan sahaja sumber Kerajaan tetapi industri francais itu sendiri. Kementerian amat bersetuju dengan saranan supaya urus tadbir industri francais diletakkan di bawah satu Kementerian sahaja dan Kementerian yang sewajarnya adalah KPDNHEP.

3. Mesyuarat pada 27 April 2020 mengenai cadangan pemindahan fungsi dan perjawatan Bahagian Francais serta Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil dari KPDNHEP ke MEDAC, persetujuan telah dicapai pada mesyuarat berkenaan yang telah memutuskan bahawa fungsi dan tanggungjawab bagi mengawal selia hal ehwal perkembangan industri francais adalah kekal dan tertakluk di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

4. KPDNHEP memiliki ekosistem perancangan pembangunan perniagaan francais yang kondusif dan sistematik merangkumi kawal selia pendaftaran francais oleh Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung KPDNHEP serta penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP di samping sokongan daripada MFA yang mewakili penggiat industri francais. Penempatan fungsi Pernas di bawah KPDNHEP akan melengkapkan ekosistem tersebut seterusnya memantapkan gerak kerja ke arah usaha memperkasa pertumbuhan francais yang akan memberi manfaat kepada kemajuan industri serta sektor perdagangan dalam negeri.

5. Justeru itu, sangatlah relevan sekiranya Pernas diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian ini kerana kombinasi fungsi Pernas dan peranan KPDNHEP akan mewujudkan ekosistem pembangunan francais yang baik khususnya ke arah pewujudan industri yang lebih berdaya maju. Kerjasama dan sinergi ini dapat melonjakkan agenda bumiputera dari segi peluang mengembangkan potensi dan pasaran jenama francais tempatan ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.